

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | BDB Land, Enfiniti Escapes jalin kerjasama | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 18 Jan 2024 | Color | Full Color |
| Section | Bisnes | Circulation | 140,000 |
| Page No | 30 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 374 cm ² |
| Journalist | WAN MOHD NOOR | AdValue | RM 7,929 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 23,786 |



Bangunkan forest chalet berkonsepkan ekopelancongan di Darulaman Sanctuary

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR
LANGKAWI

BDB Land Sdn Bhd (BDB Land) yang merupakan anak syarikat penuh Bina Darulaman Berhad (BDB) mengumumkan kerjasama bersama Enfiniti Escapes (M) Sdn Bhd dengan memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk pembangunan sektor ekopelancongan.

Pengarah Eksekutif BDB, Raja Shahreen Raja Othman berkata, kedua-dua pihak merancang menjalinkan usahasama bagi membangunkan forest chalet berkonsepkan ekopelancongan di Darulaman Sanctuary, Lubuk Semilang di Langkawi.

Menurutnya, cadangan pembangunan adalah di ka-

wasan seluas 4.4 hektar di Darulaman Sanctuary dan BDB Land akan menjalankan kajian pelan ukuran terperinci di atas kawasan yang dikenal pasti.

"Pihak Enfiniti Escapes pula akan memfokuskan kepada konsep keseluruhan serta reka bentuk pembangunan berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh pihak BDB Land.

"Di samping itu, bagi memastikan pembangunan tersebut sejajar dengan matlamat pemuliharaan dan kemampanan alam sekitar, BDB Land akan bekerjasama dengan FRIM Incorporated Sdn Bhd bagi mendapatkan khidmat nasihat dan kepakaran mereka," katanya pada Selasa.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani MoU antara BDB Land dan Enfiniti Escapes (M) Sdn Bhd di Darulaman Sanctuary.

Hadir sama pada majlis berkenaan adalah Pengerusi Enspire

BDB Land, Enfiniti Escapes jalin kerjasama



Raja Shahreen (dua dari kanan) dan Tiara Jacqueline (dua dari kiri) bertukar MoU sambil disaksikan oleh Mohd Effendi (kiri) dan Isahak (tengah) di Darulaman Sanctuary, Langkawi pada Selasa.

Ventures, Tan Sri Mohd Effendi Norwawi; Presiden Enfiniti Group of Companies, Tiara Jacqueline; Pegawai Daerah Langkawi, Mohamad Subhi Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Datuk Isahak Murat.

Menurut Raja Shahreen lagi,

perancangan usaha sama itu merupakan satu lagi usaha berterusan yang akan dilaksanakan BDB menerusi BDB Land bagi mewujudkan tarikan baharu di Langkawi yang mana secara tidak langsung ia akan membantu Kerajaan Negeri Kedah membangunkan pulau peranginan

tersebut.

Jelas beliau, pada tahun lalu, BDB Land telah mengumumkan pembangunan Perumahan Mampu Milik Aman Nusa, di Bandar Kuah dan BDB Infra Sdn Bhd, yang juga merupakan anak syarikat BDB menandatangani perjanjian jualan saham antara Gemi Puncak Sdn Bhd dan Gemi Puncak Quarry Sdn Bhd, sekali gus menjadikan Kumpulan BDB sebagai pemilik kuari granit yang terbesar di Langkawi yang berkeluasan 24.2 hektar.

"Dengan adanya usaha sama terbaharu ini, saya mengharapkan ia bakal melonjakkan lagi nama serta memberi nilai tambah baharu kepada Darulaman Sanctuary khususnya dan Langkawi amnya terutamanya melibatkan sektor ekopelancongan bukan sahaja kepada pelancong tempatan malahan juga luar negara," ujar beliau.